



Ahmad Zahid diiringi Alfred Jabu dan Ahmad Shabery **meninjau paras air Sungai Sarawak di Baraj Kuching dalam lawatan kerja** mengenai pengurusan banjir di Sarawak, semalam. [FOTO NADIM BOKHARI/BH]

INFO

Sistem Pengawalan Sungai Sarawak (SSRS)

- Dibina pada 1997 dan dikendalikan oleh Kuching Barrage Management Sdn Bhd.
- Dibina sebagai **iktibar banjir besar melanda** Bandaraya Kuching.
- **Berkonsepkan pintu atau kunci air hidrolik** bagi mengawal paras sungai ketika hujan lebat.
- **Mengawal kemasukan air laut** ke aliran sungai ketika musim air pasang besar.
- **Berukuran 125 panjang**, termasuk laluan perkapalan selebar 25 meter.
- Lima pintu air diperbuat daripada logam besi mampu **menampung tekanan arus sungai** dan gelombang laut.
- **Pembinaan merangkumi jambatan dan jalan raya** empat lorong sepanjang 435 meter.
- Diperakui sebagai **infrastruktur pertama seumpamanya di Asia Tenggara**.

Sistem pengurusan banjir Sarawak paling cekap, terbaik

» Kerajaan teliti cadangan perluas pelaksanaannya di Semenanjung terutama di Pantai Timur

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my


► Petra Jaya

Kerajaan mahu sistem pengurusan banjir di Sarawak yang disifatkan paling cekap dan terbaik di negara ini dilaksanakan di Semenanjung, terutama di Pantai Timur bagi menangani bencana itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata inisiatif kerajaan negeri membina Sistem Pengawalan Sungai Sarawak (Baraj Sungai Sarawak) di Bintawa, Kuching juga disifatkan sebagai berinovasi untuk penyelesaian masalah banjir dalam tempoh jangka panjang.

Katanya, keupayaan sistem mengawal kadar limpahan air sungai ketika musim tengkujuh, selain mengimbangi paras air apabila musim air pasang berjaya mengurangkan risiko banjir di Bandaraya Kuching dan sekitarnya.

“Kerajaan Persekutuan amat



Baraj Sungai Sarawak disifatkan sebagai **berinovasi untuk penyelesaian masalah banjir** dalam tempoh jangka panjang.

mengagumi kecanggihan sistem ini, malah sedang meneliti cadangan memperluaskan pelaksanaannya di Semenanjung, terutama di Pahang, Terengganu dan Kelantan yang sering dilanda banjir.

Rangka memorandum khas

“Kita sudah mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merangka memorandum khas untuk dibentangkan kepada Kabinet, seterusnya

dilaksanakan di beberapa negeri yang berdepan risiko banjir,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas bersama Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri di Wisma Bapa Malaysia, di sini, semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang diiringi Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang, Menteri di Jabatan Perdana Men-

“
Kita sudah **mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merangka memorandum khas untuk dibentangkan kepada Kabinet, seterusnya dilaksanakan di beberapa negeri yang berdepan risiko banjir”**

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

teri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek meninjau operasi Baraj Sungai Sarawak.

Beliau berkata dari segi pengurusan bencana, Sarawak diakui sebagai paling cekap dengan pengalaman seharusnya dipelajari oleh negeri lain bagi persediaan menghadapi musibah.

“Pengalaman Sarawak, terutama Baraj Sungai Sarawak yang dibina pada 1997 akan kita guna

pakai dalam kajian berhubung cadangan pembinaan empangan dan baraj bagi menangani isu banjir di beberapa negeri di Semenanjung.

“Biar pun kos pembinaannya agak tinggi, ia dikenal pasti paling berkesan dalam menangani masalah banjir. Malah, Sarawak sendiri berjaya membuktikan keupayaannya sejak 18 tahun lalu,” katanya.

Kagum penyertaan rakyat

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi NADMA mengagumi penyertaan rakyat negeri itu dalam pengurusan bencana di Sarawak, sekali gus membantu memastikan kelancaran operasi pemindahan dan penyaluran bantuan oleh pasukan keselamatan.

“Ini juga akan diberikan penumpuan dalam pembentukan asas kesiapsiagaan menghadapi banjir atau bencana lain di peringkat nasional. Yang pasti, penyertaan masyarakat paling efektif dalam pengurusan bencana.

“Dapat kita lihat apabila berlaku bencana di Sarawak, pelbagai pihak, termasuk operator radio amatur serta kelab peminat kenderaan pacuan empat roda (4WD) bersama pasukan penyelamat melaksanakan misi bantuan di kawasan jauh di pedalaman,” katanya.

Mengulas isu kebajikan mangsa banjir, Ahmad Zahid berkata, sebahagian daripada wang ihsan RM500 yang disalurkan akan turut digunakan bagi membayar premium insurans bagi membolehkan mangsa menerima bayaran pampasan lebih tinggi dan setimpal jumlah kerugian.

“Atas sebab itulah, kita akan menggunakan sebahagian wang berkenaan sebagai premium insurans kerana apabila mendapat perlindungan insurans, setiap keluarga akan mendapat pampasan yang lebih baik,” katanya.